Proposal Bakat Muda Sezaman

Oleh

Muhamad Nizar bin Sulaiman


Tajuk


“All for Art and Art for All”


2021


Ketika negara dilanda kemelut Covid-19, keutamaan sesuatu bidang adalah paling ketara semasa lockdown terutama pada tahun 2020, dan seni adalah bidang yang telah dilabel sebagai non- essential, dengan penutupan galeri fizikal malah upacara kesenian seperti pameran amatlah terhad dan diadakan secara dalam talian. Kemudian berlaku lagi MCO terbaru pada tahun 2021, sepanjang tahun yang lalu akan idea untuk karya masih lagi terhad akan karya berbentuk tradisional dan malah BMS 2021 ini membuka peluang akan karya berbentuk digital, video, interaktif dan luar konteks galeri.

Sepanjang MCO pada tahun 2020 dan 2021, bekerja sebagai guru seni telah banyak mengubah cara pengajaran secara dalam talian, studio yang selalunya penuh dengan cat dan kanvas kini berubah dalam bentuk digital, kanvas menjadi screen monitor, cat berus menjadi tetikus dan membuat disiplin sebagai artis menjadi berbeza. Sepanjang pengajaran dalam talian, banyak kelas mengajar lukis disiar di dalam Youtube dengan channel bertajuk “Let's Draw” walau saluran ini bukan lah mendapat biew beribu - ribu tetapi cukup sekadar untuk para pelajar saya. Mengambil peluang ini untuk mengajar pelajar darjah 3 mengenai karya - karya seni tempatan yang terkenal, seperti Abdullah Ariff, Zulkifli Buyong, Latiff Mohidin, Syed Ahmad Jamal dan banyak lagi.









Antara contoh snap video

Belajar melukis sambil belajar sejarah seni malaysia, ini merupakan salah satu pengaruh yang melahirkan idea untuk proposal BMS tahun ini. Tetapi bentuk video di saluran youtube berbentuk video yang di edit dan diolah sebelum diupload di Youtube, tidak mendatangkan interaksi dengan penonton apabila ditonton. Ini kerana video ini bertujuan memberi peluang untuk pelajar menonton sambil melukis, dengan kemampuan untuk pause dan replay di bahagian video yang mereka inginkan.








Ini adalah contoh karya yang dihasilkan oleh para pelajar darjah 3 tentang pelukis tempatan yang terkenal.








Selain itu sebagai guru bukan sahaja menguruskan kelas sahaja tetapi acara seperti sambutan hari raya, sambutan hari guru tetap dijalankan tetapi di dalam bentuk virtual, sebagai guru yang mahir dalam teknologi, kemahiran mengedit video, audio dan juga siaran langsung membuatkan guru perlu bergantung pada bantuan teknologi. Disini dapat melihat interaksi secara alam maya dapat menghubungkan para pelajar, ibu bapa dan guru dalam menyambut upacara walaupun dalam keadaan lockdown.







Dan semua pengalaman sepanjang MCo ini di dalam tahun 2020 dan 2021, telah memberi inspirasi untuk menghasilkan karya berbentuk Siaran langsung dan interaktif antara penonton dan artis dalam karya ini

Karya bertajuk “All for Art and Art for All” atau “Semua untuk Seni dan Seni untuk Semua” inspirasi dari ayat dari “The three Musketeer” iaitu “All for One and One for All”. Jadi karya ini berbentuk online dimana karya berbentuk digital dan tradisional dilelong di dalam Youtube live dan Facebook live dengan bantuan Streamyard, dimana interaksi antara golongan masyarakat yang meminati seni mampu memiliki karya cetakan digital dengan harga berpatutan. Manakala karya berbentuk tradisional seperti acrylic juga dijual dengan harga yang bersesuaian, karya ini juga boleh dibentuk di dalam galeri dalam bentuk instalasi.

Jika dilihat seperti pameran secara maya, menggunakan software seperti SketchUp atau AutoCad, memberi peluang para penonton melalui ruang galeri secara maya, seperti mana kalau di ruang galeri yang betul. Tetapi bagaimana karya yang memerlukan interaktif untuk berfungsi? Cadangan karya ini seperti mana yang ingin dikongsi seni kepada masyarakat dan masyarakat berseni.





Contoh Gambar Auction Online